

PROSES PERMOHONAN TAPAK KAWASAN KEMAJUAN PERTANIAN

Jabatan Pertanian dan Agrimakanan
Kementerian Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan
Mei 2019

RASIONAL KEWUJUDAN KKP

- Mewujudkan zon kekal bagi pengeluaran pertanian dan agrimakanan;
- Menumpukan pengeluaran aktiviti pengeluaran industri pertanian dan agrimakanan di kawasan-kawasan yang berpotensi dan produktif;
- Sebagai insentif kemudahan asas kepada pengusaha-pengusaha bagi menggalakkan dan meningkatkan projek-projek pertanian dan agrimakanan berskala komersial;
- Membantu meningkatkan pengeluaran hasil pertanian negara yang berkualiti dan mampan untuk pasaran domestik dan eksport; dan
- Membantu para pengusaha dan pelabur sebagai *ease of start* dalam perusahaan pertanian.

JENIS-JENIS PERMOHONAN KKP

– Berskala Komersial

- Permohonan bagi Projek Rintis (KSSUP/SUT/JPT/C4; 23 April 2018)
 - Projek: Teknologi tinggi
 - Projek: Varieti/baka berhasil tinggi dan bernilai tinggi
 - Projek: *Contract farming*
 - Projek: Belia
- Permohonan melalui iklan tawaran tapak-tapak KKP
- Permohonan bagi Tambahan Kawasan
- Permohonan bagi Pelaburan Langsung Asing (FDI)
- Permohonan melalui iklan *Request for Proposal* (RFP)

CIRI-CIRI KRITERIA PERMOHONAN

1. PROJEK RINTIS

- Berbentuk *trial* dan berskala kecil seluas 0.5-20ha. Tujuannya untuk memberikan peluang kepada para peladang dan belia yang berminat untuk menerokai potensi dalam bidang pertanian.
- Ditawarkan kepada para belia dan syarikat-syarikat yang berminat dalam bidang pertanian khususnya dalam sistem perladangan moden dan berteknologi tinggi; menggunakan varieti (atau baka) yang berhasil tinggi (seperti *high yielding variety*); pengeluaran hasil yang bernilai tinggi; serta mensasarkan keluaran untuk eksport, iaitu untuk menjamin pertumbuhan berterusan.
- Juga ditawarkan kepada pengusaha dan pelabur yang akan menyediakan *contract farming* dengan syarikat lain.
- Keluasan tapak adalah tertakluk kepada jenis perusahaan (Jadual 1), dengan tempoh penyewaan pada peringkat permulaan adalah selama 2 tahun sahaja bagi memastikan tapak yang diberikan tidak terbiar dan tidak disalah-gunakan. Jika prestasi baik, keluasan tapak boleh ditambah sementara tempoh penyewaan juga boleh disambung.

JADUAL 1: KELUASAN TAPAK KKP BAGI PROJEK RINTIS

Industri	Keluasan Maksimum
Florikultur	2 ha
Sayur	4 ha
Tanaman bersepadu	4 ha
Pelbagai Tanaman	4 ha
Buah (tidak bermusim)	4 ha
Ternakan Ayam	4 ha
Padi	5 ha
Ternakan Ruminan	5 ha
Buah (Bermusim) di luar Bandar	20 ha

SYARAT PERMOHONAN PROJEK RINTIS

- Perniagaan berdaftar di Negara Brunei Darussalam;
- Mempunyai pengalaman dan pengetahuan dalam pertanian atau mempunyai pekerja pakar dalam pertanian; dan
- Penyata kewangan yang mencukupi berdasarkan jenis perusahaan.

TATACARA PERMOHONAN PROJEK RINTIS

- Membuat permohonan kepada Pengarah Pertanian dan Agrimakanan dan menghadapkan senarai semak seperti Jadual 2.

Jadual 2

A. KETERANGAN SYARIKAT

1	Salinan Sijil Pendaftaran (Certificate of Registration) menurut Akta Nama-Nama Perniagaan (Bab 16) bagi Syarikat Sole Proprietorship; atau Perakuan Penubuhan Syarikat Persendirian (Certificate of Incorporation of Private Company) bagi Syarikat Sendirian Berhad.
2	Satu salinan ‘Memorandum and Articles of Association’
3	Bagi syarikat luar negara (foreign companies): <ul style="list-style-type: none">- Surat kebenaran atau persetujuan dari cawangan utama syarikat di negara asal [Consent letter from main branch]- Satu salinan Sijil Perakuan atau Pendaftaran Syarikat di negara asal (salinan sijil mestilah yang disahkan benar) [Certificate of incorporation or registration in place or origin or similar document (must be certified copy)]- ‘Memorandum and Articles of Association’ atau dokumen yang seumpamanya (salinan sijil mestilah yang disahkan benar).- ‘Memorandum of Appointment or Power of Attorney’ yang mengandungi nama dan alamat individu (2 atau lebih) yang bermastautin di Negara Brunei Darussalam yang diberi kuasa untuk menerima perkhidmatan atau apa-apa notis sebagai wakil Syarikat, dan dibuat di bawah meterai Syarikat yang diperbadankan di negara asal.
	<ul style="list-style-type: none">- Resolusi Syarikat- [Company Resolution]
	<ul style="list-style-type: none">- Senarai Pengarah-Pengarah Syarikat (Form IV(F))
	<ul style="list-style-type: none">- Senarai orang-orang yang diberi kuasa
	<ul style="list-style-type: none">- Surat akujanji- [Undertaking letter]
	<ul style="list-style-type: none">- Notis mengenai alamat pejabat yang berdaftar di Negara Brunei Darussalam. Nota: Penggunaan alamat ‘Post Office Box’ adalah tidak diterima.
	<ul style="list-style-type: none">- Bagi Syarikat Usahasama (Joint Venture Company, JV), satu salinan JV agreement.

Jadual 2

B. STRUKTUR ORGANISASI SYARIKAT	
4	Struktur Organisasi Pemegang Saham dan Lembaga Pengarah Syarikat, termasuk <ul style="list-style-type: none">- Authorised capital;- Paid up capital; dan- Bidang perniagaan yang dijalankan pada masa ini.
5	Struktur Organisasi Pengurusan dan Operasi Syarikat, termasuk: <ul style="list-style-type: none">- Maklumat peribadi Pengarah dan Pengurus Syarikat (curriculum vitae - kelayakan akademik, pengalaman, kemahiran dll).
6	Struktur Organisasi Syarikat JV
PELAN PERNIAGAAN (BUSINESS PLAN)	
7	Pelan perniagaan projek yang dicadangkan di Negara Brunei Darussalam.
8	Unjuran aliran tunai (10 tahun kehadapan) projek yang dicadangkan.
9	Pengakuan kewangan dari pihak bank pemohon di Brunei Darussalam berkenaan kebolehan membiayai cadangan projek
KEPAKARAN DAN KEMAHIRAN	
10	Maklumat mengenai kepakaran dan kemahiran pemohon (pemegang saham) dalam bidang perusahaan yang dipohonkan.
11	Jika pemohon (pemegang saham) tidak mempunyai kepakaran dan pengalaman, adakah terdapat kepakaran dan kemahiran pada ahli pengarah atau pengurus atau pekerja atau penasihat Syarikat, dan bukti bagi mensahkan pengalaman dan kepakarannya hendaklah disertakan.
SURAT PERMOHONAN	
12	Surat permohonan tapak bagi aktiviti Pertanian, Perikanan, Perhutanan atau Pelancongan oleh Pemohon

KRITERIA PEMILIHAN PROJEK RINTIS

- Komoditi bernilai tinggi;
- Produktiviti tinggi;
- Penggunaan teknologi;
- Mempunyai rangkaian pasaran;
- Perancangan bagi penerokaan pasaran eksport; dan
- Pengambilan pekerja-pekerja tempatan diutamakan.

KRITERIA TERPERINCI BAGI KELAYAKAN MENYERTAI PROJEK RINTIS

Kriteria	Teknologi Tinggi dan Eksport	Varieti dan Eksport	Contract Farming	Belia
○ Perniagaan berdaftar di Negara Brunei Darussalam	Dimestikan	Dimestikan	Dimestikan	Dimestikan
○ Bidang termasuk dalam senarai projek yang layak	Dimestikan	Dimestikan	Dimestikan	Dimestikan
○ Kepakaran, kemahiran dan pengalaman dalam bidang perusahaan yang dipohonkan	Dimestikan	Dimestikan	Dimestikan	*Tidak dimestikan
○ Kekukuhan kewangan dan modal	Dimestikan	Dimestikan	Dimestikan	Dimestikan
○ Pelan perniagaan menguntungkan	Dimestikan	Dimestikan	Dimestikan	Dimestikan
○ Penggunaan teknologi dalam pengeluaran	Dimestikan	*Tidak dimestikan	Dimestikan	Dimestikan
○ Penggunaan varieti berhasil dan bernilai tinggi	*Tidak dimestikan	Dimestikan	*Tidak dimestikan	*Tidak dimestikan
○ Rangkaian pasaran tempatan	Dimestikan	Dimestikan	Dimestikan	*Tidak dimestikan
○ Rangkaian pasaran eksport	Dimestikan	Dimestikan	Dimestikan	*Tidak dimestikan
○ Menyediakan contract farming	*Tidak dimestikan	*Tidak dimestikan	Dimestikan	Tidak berkenaan
○ Menyertai contract farming	Tidak berkenaan	Tidak berkenaan	Tidak berkenaan	*Tidak dimestikan
○ KPI pengeluaran	Dimestikan	Dimestikan	Dimestikan	Dimestikan
○ Menyediakan pekerjaan	Dimestikan	Dimestikan	*Tidak dimestikan	*Tidak dimestikan

*Walau bagaimanapun, ianya adalah menjadi satu kelebihan jika pemohon mempunyai kriteria ini

CIRI-CIRI KRITERIA PERMOHONAN

2. IKLAN TAWARAN TAPAK-TAPAK KKP

- Ditawarkan secara terbuka melalui iklan tawaran kepada pengusaha dan pelabur yang menghadapkan kertas kerja yang memenuhi kriteria-kriteria pemilihan yang dikehendaki bagi tapak yang diiklankan.
- Keluasan tapak yang diiklankan adalah tertakluk kepada projek yang dirancang (tidak melebihi 10 ha), dengan tempoh penyewaan sekurang-kurangnya selama 5 tahun.

SYARAT PERMOHONAN IKLAN TAWARAN TAPAK-TAPAK KKP

- Perniagaan yang berdaftar di Negara Brunei Darussalam;
- Mempunyai pengalaman dan pengetahuan dalam pertanian atau mempunyai pekerja pakar dalam pertanian; dan
- Penyata kewangan yang mencukupi berdasarkan jenis perusahaan.

TATACARA PERMOHONAN IKLAN TAWARAN TAPAK-TAPAK KKP

- Tapak diiklankan melalui Pelita Brunei dan laman sesawang Jabatan, Kementerian Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan, dan Pelita Brunei.
- Borang Permohonan untuk ikut serta tawaran boleh diperolehi daripada Unit Kawasan Kemajuan Pertanian dengan harga \$1.00/borang.
- Borang Permohonan diisi dan dikembalikan bersama:
 - ✓ Dokumen di dalam senarai semak seperti Jadual 2; dan
 - ✓ Salinan resit pembayaran borang permohonan tapak.

KRITERIA PEMILIHAN IKLAN TAWARAN TAPAK-TAPAK KKP

- Penggunaan teknologi;
- Mempunyai rangkaian pasaran;
- Kertas Kerja yang berkualiti;
- Perusahaan yang menguntungkan;
- Perancangan bagi penerokaan pasaran eksport; dan
- Pengambilan pekerja-pekerja tempatan diutamakan.

KRITERIA TERPERINCI BAGI MENYERTAI IKLAN TAWARAN

Kriteria	Teknologi Tinggi dan Sasaran Eksport
○ Perniagaan berdaftar di Negara Brunei Darussalam	Dimestikan
○ Kertas kerja menepati perancangan tapak	Dimestikan
○ Kepakaran, kemahiran dan pengalaman dalam bidang perusahaan yang dipohonkan	Dimestikan
○ Kekukuh kewangan dan modal	Dimestikan
○ Pelan perniagaan menguntungkan	Dimestikan
○ Penggunaan teknologi dalam pengeluaran	Tertakluk kepada iklan
○ Penggunaan varieti berhasil dan bernilai tinggi	Tertakluk kepada iklan
○ Rangkaian pasaran tempatan	Dimestikan
○ Rangkaian pasaran eksport	Dimestikan
○ Menyediakan contract farming	Tertakluk kepada iklan
○ Menyertai contract farming	Tertakluk kepada iklan
○ KPI pengeluaran	Dimestikan
○ Menyediakan pekerjaan	Dimestikan

CIRI-CIRI KRITERIA PERMOHONAN

3. TAMBAHAN KAWASAN

- Ditawarkan kepada pengusaha dan pelabur yang sudah mempunyai ladang (KKP, KPLB atau persendirian) yang aktif dan progresif, tiada sewa tunggakan, dan kontrak perjanjian yang masih sah.
- Keluasan tapak adalah tertakluk kepada jenis perusahaan.
- Tempoh penyewaan tertakluk kepada jenis perusahaan, sekurang-kurangnya selama 5 tahun.

SYARAT PERMOHONAN TAMBAHAN KAWASAN

- Status ladang yang aktif;
- Perjanjian yang masih sah;
- Tiada tunggakan sewa;
- Penyata kewangan yang mencukupi berdasarkan jenis perusahaan; dan
- Kelebihan bagi:
 - ✓ Penggunaan ladang mencapai 85-100%, atau
 - ✓ Mencapai KPI komoditi
 - ✓ Kawasan ladang yang ditawarkan sebagai projek rintis telah diusahakan dengan sepenuhnya dan menunjukkan prestasi yang sangat baik bagi komoditi-komoditi yang diusahakan.

TATACARA PERMOHONAN TAMBAHAN KAWASAN

- Membuat permohonan kepada Pengarah Pertanian dan Agrimakanan dan menghadapkan senarai semak seperti Jadual 2.

KRITERIA PEMILIHAN TAMBAHAN KAWASAN

- Pengusaha yang progresif;
- Komoditi bernilai tinggi;
- Komoditi yang mempunyai permintaan pasaran;
- Produktiviti tinggi;
- Penggunaan teknologi;
- Mempunyai rangkaian pasaran;
- Perancangan bagi penerokaan pasaran eksport; dan
- Pengambilan pekerja-pekerja tempatan diutamakan.

KRITERIA TERPERINCI BAGI KELAYAKAN TAMBAHAN KAWASAN

Kriteria	Teknologi Tinggi dan Sasaran Eksport
○ Perniagaan berdaftar di Negara Brunei Darussalam	Dimestikan
○ Kertas kerja menepati perancangan tapak	Dimestikan
○ Kekuahan kewangan dan modal	Dimestikan
○ Pelan perniagaan menguntungkan	Dimestikan
○ Penggunaan teknologi dalam pengeluaran	*Tidak dimestikan
○ Penggunaan varieti berhasil dan bernilai tinggi	*Tidak dimestikan
○ Rangkaian pasaran tempatan	Dimestikan
○ Rangkaian pasaran eksport	Dimestikan
○ Menyediakan contract farming	*Tidak dimestikan
○ Menyertai contract farming	*Tidak dimestikan
○ KPI pengeluaran	Dimestikan
○ Menyediakan pekerjaan	Dimestikan
○ Perjanjian yang masih sah	Dimestikan
○ Tiada tunggakan	Dimestikan
○ Mencapai KPI ladang	*Tidak dimestikan
○ Penggunaan ladang mencapai 85%	*Tidak dimestikan

*Walau bagaimanapun, ianya adalah menjadi satu kelebihan jika pemohon mempunyai kriteria ini

CIRI-CIRI KRITERIA PERMOHONAN

4. PELABURAN LANGSUNG ASING (FDI)

- Ditawarkan kepada pengusaha dan pelabur dari luar negeri yang berdaftar di Negara Brunei Darussalam sebagai *foreign company*.
- Ditawarkan kepada syarikat-syarikat yang berminat dalam bidang pertanian khususnya dalam sistem perladangan moden dan berteknologi tinggi; menggunakan varieti (atau baka) yang berhasil tinggi (seperti *high yielding variety*); pengeluaran hasil yang bernilai tinggi; serta mensasarkan keluaran untuk eksport, iaitu untuk menjamin pertumbuhan berterusan.
- Juga ditawarkan kepada pengusaha dan pelabur yang akan menyediakan *contract farming* dengan syarikat lain.
- Keluasan tapak adalah tertakluk kepada jenis perusahaan, dengan tempoh penyewaan pada peringkat permulaan adalah selama 2-10 tahun (tertakluk kepada permintaan FDI) sahaja. Jika prestasi baik, keluasan tanah boleh ditambah sementara tempoh penyewaan juga boleh disambung.

SYARAT PERMOHONAN PELABURAN LANGSUNG ASING (FDI)

- Perniagaan yang berdaftar di Negara Brunei Darussalam;
- Mempunyai pengalaman dan pengetahuan dalam pertanian atau mempunyai pekerja pakar dalam pertanian;
- Penyata kewangan yang mencukupi berdasarkan jenis perusahaan;
- Pengalaman pasaran; dan
- Manfaat sosial ekonomi termasuk perladangan berkontrak

TATACARA PERMOHONAN PELABURAN LANGSUNG ASING (FDI)

- Membuat permohonan kepada Pengarah Pertanian dan Agrimakanan atau melalui Pejabat Menteri Kementerian Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan, Pejabat SUT Kementerian Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan, atau agensi-agensi Kerajaan yang lain. Dan menghadapkan senarai semak seperti Jadual 2.

KRITERIA PEMILIHAN PELABURAN LANGSUNG ASING (FDI)

- Pengalaman dalam projek yang diiklankan sekurang-kurangnya 3 tahun;
- Pelan operasi dan perlaksanaan yang progresif;
- Aliran tunai yang jelas;
- Struktur ekuiti yang jelas;
- Penyata kewangan yang mencukupi berdasarkan jenis perusahaan;
- Komoditi bernilai tinggi;
- Produktiviti tinggi;
- Penggunaan teknologi;
- Strategi pasaran yang baik;
- Perancangan bagi penerokaan pasaran eksport;
- Pulangan kewangan kepada Kerajaan yang kompetitif;
- Manfaat sosial ekonomi termasuk perladangan berkontrak; dan
- Pengambilan pekerja-pekerja tempatan diutamakan.

KRITERIA TERPERINCI BAGI KELAYAKAN PELABUR LANGSUNG ASING (FDI)

Kriteria	Teknologi Tinggi dan Sasaran Eksport
○ Perniagaan berdaftar di Negara Brunei Darussalam	Dimestikan
○ Kertas kerja menepati perancangan tapak	Dimestikan
○ Kepakaran, kemahiran dan pengalaman dalam bidang perusahaan yang dipohonkan	Dimestikan
○ Kekukuh kewangan dan modal	Dimestikan
○ Pelan perniagaan menguntungkan	Dimestikan
○ Penggunaan teknologi dalam pengeluaran	Dimestikan
○ Penggunaan varieti berhasil dan bernilai tinggi	Dimestikan
○ Rangkaian pasaran tempatan	Dimestikan
○ Rangkaian pasaran eksport	Dimestikan
○ Menyediakan contract farming	*Tidak dimestikan
○ Menyertai contract farming	Tidak berkenaan
○ KPI pengeluaran	Dimestikan
○ Menyediakan pekerjaan	Dimestikan

*Walau bagaimanapun, ianya adalah menjadi satu kelebihan jika pemohon mempunyai kriteria ini

CIRI-CIRI KRITERIA PERMOHONAN

5. IKLAN REQUEST FOR PROPOSAL (RFP)

- Ditawarkan secara terbuka melalui iklan tawaran kepada pengusaha dan pelabur yang menghadapkan kertas kerja yang memenuhi kriteria-kriteria pemilihan yang dikehendaki bagi tapak yang diiklankan.
- Keluasan tapak yang diiklankan adalah tertakluk kepada projek yang dirancang (10 ha ke atas).
- Tempoh penyewaan tertakluk kepada cadangan pengusaha dan pelabur, dan dipersetujui Jawatankuasa Pemprosesan Permohonan Tapak Pertanian sekurang-kurangnya selama 5 tahun.
- Kadar sewa adalah mengikut cadangan pengusaha dan pelabur dengan kadar sewa minimum ditetapkan oleh Jabatan.

SYARAT PERMOHONAN IKLAN REQUEST FOR PROPOSAL (RFP)

- Perniagaan yang berdaftar di Negara Brunei Darussalam;
- Mempunyai pengalaman dan pengetahuan dalam pertanian atau mempunyai pekerja pakar dalam pertanian;
- Penyata kewangan yang mencukupi berdasarkan jenis perusahaan;
- Pengalaman pasaran; dan
- Manfaat sosial ekonomi.

TATACARA PERMOHONAN IKLAN REQUEST FOR PROPOSAL (RFP)

- RFP diiklankan melalui surat khabar dan laman sesawang Jabatan, Kementerian Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan, dan Pelita Brunei.
- Tatacara permohonan dinyatakan di dalam iklan dan dokumen RFP.

KRITERIA PEMILIHAN IKLAN REQUEST FOR PROPOSAL (RFP)

- Pengalaman dalam projek yang diiklankan sekurang-kurangnya 3 tahun;
- Pelan operasi dan perlaksanaan yang progresif;
- Aliran tunai yang jelas;
- Struktur ekuiti yang jelas;
- Penyata kewangan yang mencukupi berdasarkan jenis perusahaan;
- Komoditi bernilai tinggi;
- Produktiviti tinggi;
- Penggunaan teknologi;
- Strategi pasaran yang baik;
- Perancangan bagi penerokaan pasaran eksport;
- Pulangan kewangan kepada Kerajaan yang kompetitif;
- Manfaat sosial ekonomi termasuk perladangan berkontrak; dan
- Pengambilan pekerja-pekerja tempatan diutamakan.

KRITERIA TERPERINCI BAGI KELAYAKAN MENYERTAI IKLAN RFP

Kriteria	Teknologi Tinggi dan Sasaran Eksport
○ Perniagaan berdaftar di Negara Brunei Darussalam	Dimestikan
○ Kertas kerja menepati perancangan tapak	Dimestikan
○ Kepakaran, kemahiran dan pengalaman dalam bidang perusahaan yang dipohonkan	Dimestikan
○ Kekuahan kewangan dan modal	Dimestikan
○ Pelan perniagaan menguntungkan	Dimestikan
○ Penggunaan teknologi dalam pengeluaran	Tertakluk kepada iklan
○ Penggunaan varieti berhasil dan bernilai tinggi	Tertakluk kepada iklan
○ Rangkaian pasaran tempatan	Dimestikan
○ Rangkaian pasaran eksport	Dimestikan
○ Menyediakan contract farming	Tertakluk kepada iklan
○ Menyertai contract farming	Tertakluk kepada iklan
○ KPI pengeluaran	Dimestikan
○ Menyediakan pekerjaan	Dimestikan
○ Cadangan kadar sewa	Dimestikan


TEMPOH DAN KELUASAN BAGI PERMOHONAN BARU

- Tempoh minimum ialah 2 tahun.
- Keluasan minimum ialah 0.5 hektar.

Nota:

Keluasan yang dipohonkan melebihi 20 hektar dan tempoh melebihi 20 tahun perlu disembahkan kehadapan Majlis Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam dalam Majlis Mesyuarat.

CARTA ALIRAN PERMOHONAN TAPAK KAWASAN KEMAJUAN PERTANIAN



PROSES KERJA

- Pemohon menghadapkan cadangan projek.
 - Meneliti dan memastikan permohonan lengkap dan teratur.
 - Membuat sokongan ke atas cadangan projek.
 - Memastikan dokumen permohonan dan sokongan lengkap sebelum dibawa ke Mesyuarat JK Tapak.
 - Membuat keputusan dan sokongan ke atas cadangan projek.
 - Menghadapkan keputusan dan sokongan kepada Yang Mulia SUT.
-
- Meneliti dan mempertimbangkan keputusan dan sokongan cadangan projek.
 - Menghadapkan sokongan kepada Yang Berhormat Menteri.
-
- Ketetapan dan kebenaran.
 - Memaklumkan ketetapan kepada Jawatankuasa.
-
- Memaklumkan kepada pemohon.
 - Mengeluarkan surat tawaran dan draf kontrak kepada pemohon.

SEKIAN
TERIMA KASIH

PROSES PERMOHONAN TAPAK: PROJEK RINTIS & TAMBAHAN



SENARAI SEMAK DOKUMEN-DOKUMEN YANG DIPERLUKAN

- | | | |
|---|--|--|
| Surat Permohonan | Struktur Organisasi Pemegang Saham dan Lembaga Pengarah termasuk; authorised capital, paid up capital dan bidang perusahaan yang dijalankan masa ini | Pelan Perniagaan Projek yang dicadangkan |
| Salinan Sijil Pendaftaran atau Perakuan Penubuhan Syarikat Persendirian | Struktur Organisasi Pengurusan dan Operasi Syarikat termasuk maklumat peribadi Pengarah dan Pengurus Syarikat (curriculum vitae - kelayakan akademik, pengalaman, kemahiran dll) | Unjuran aliran tunai (10 tahun) |
| Memorandum and Articles of Association (jika berkenaan) | Struktur Organisasi Syarikat JV (jika berkenaan) | Pengakuan kewangan |
| | | Maklumat kepakaran dan kemahiran pemohon |
| | | Atau maklumat ahli pengarah atau pengurus atau pekerja atau penasihat Syarikat dan bukti |